

KOPERASI RAKYAT KELANTAN BERHAD



MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KHAS

BIL 01/2020

26 SEPTEMBER 2020



KOPERASI RAKYAT KELANTAN BERHAD
(D-4-0527)

03 September 2020 bersamaan
15 Muharram 1442H

Kepada;
Semua Anggota
Koperasi Rakyat Kelantan Berhad

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Tuan/Puan,

NOTIS MESYUARAT AGUNG KHAS KOPERASI RAKYAT KELANTAN BERHAD BIL 01/2020

Dengan hormatnya dimaklumkan bahawa Mesyuarat Agung Khas Koperasi Rakyat Kelantan Berhad Bil 01/2020 akan diadakan sebagaimana berikut:

Tarikh : 26hb. September, 2020 / 8 Safar 1442H (Sabtu)
Masa : 8.00 pagi
Tempat : Medan At-Thaqafi,
Kolej Teknologi Darul Naim, Pengkalan Chepa.

Oleh kerana kita masih dalam Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP), kehadiran anggota perlu dihadkan mengikut kapasiti dewan iaitu hanya seramai 350 orang sahaja. Sehubungan dengan itu, anggota perlulah hadir lebih awal untuk mendapat tempat di dalam dewan.

Sila hubungi pejabat KRK melalui 09-7432281/7414332 atau whatsapp ke 011-57684966 untuk maklum balas kehadiran mesyuarat dengan kadar yang segera sebelum 20 September 2020 (Ahad).

Bersama-sama ini disertakan agenda dan aturcara majlis mesyuarat untuk perhatian dan tindakan Tuan/Puan.

Sekian, terima kasih.


"Dari Rakyat Kepada Rakyat"

Saya yang menurut perintah,
KOPERASI RAKYAT KELANTAN BERHAD


MOHD SABRI BIN ABDULLAH JMK, PSK

Pengerusi


- s.k. 1. *YABrs Pengarah, Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Negeri Kelantan.*
2. *Tetuan, Wan Nadzir & Co*



**ATURCARA MAJLIS
MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KHAS
KALI 01/2020**



MASA	ATURCARA
Pagi	8.00 Pendaftaran
	8.30 Ketibaan Anggota Lembaga & Dif-dif Jemputan
	8.45 Bacaan Doa Ucapan Aluan YABrs Tuan Pengerusi Koperasi Rakyat Kelantan Berhad
	9.00 Ucapan YABrs Tuan Pengarah Suruhanjaya Koperasi Malaysia Negeri Kelantan
	9.30 Mesyuarat Diteruskan Mengikut Agenda
	11.30 Mesyuarat Ditangguhkan & Bersurai



**AGENDA
MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KHAS
KALI 01/2020**



- 1. Pemilihan Pengerusi Mesyuarat;**
- 2. Menimbang dan Meluluskan Cadangan Penubuhan Subsidiari, (Jika Ada)**
- 3. Menimbang dan Meluluskan Ruang Lingkup dan Had Pelaburan Wang Lebihan Koperasi Mengikut Seksyen 54 Akta;**
- 4. Membentang dan Meluluskan Pindaan Undang-undang Kecil Koperasi (Jika Ada)**
- 5. Pemilihan Jawatankuasa Menentusahkan Draf Minit Mesyuarat Khas 01/2020;**
- 6. Perbincangan Usul-usul (Jika Ada);**
 - i) Usul Lembaga;**
- 7. Hal-hal Lain;**
- 8. Ucapan Penangguhan.**



Pemilihan Pengerusi Mesyuarat



AGENDA 2



**Menimbang dan Meluluskan Cadangan
Penubuhan Subsidiari (Jika Ada)**

1. TUJUAN

Kertas kerja ini bertujuan untuk medapat kelulusan bagi penubuhan subsidiari kepada Koperasi Rakyat Kelantan Berhad sebagaimana yang dikehendaki oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia.

Subsidiari ini akan menjalankan aktiviti penjagaan kesihatan khususnya hemodialisis.

2. LATAR BELAKANG

Koperasi Rakyat Kelantan Berhad adalah sebuah koperasi perkhidmatan yang telah didaftarkan pada 21 Jan 2011. Beralamat di Lot 321, Tingkat Bawah, Bangunan Angkasa, Seksyen 12, Jalan Tok Guru, 15400 Kota Bharu, Kelantan.

Sehingga kini, keanggotaan mencecah 2,091 orang dengan jumlah keseluruhan modal saham sebanyak RM1,919,091.19.

Koperasi menjalankan aktiviti-aktiviti berdasarkan Undang-undang Kecil Koperasi seperti aktiviti perkhidmatan Ar-Rahnu dan dalam perancangan untuk mengadakan aktiviti penjagaan kesihatan iaitu hemodialisis.

Senarai anggota lembaga Koperasi Rakyat Kelantan Berhad sebagaimana berikut:

Bil	Nama ALK	Jawatan	Pekerjaan
1	Mohd Sabri bin Abdullah	Pengerusi	Pengarah Syarikat
2	Wan Yaheya @ Wan Yahya bin W. Salleh	Timb. Pengerusi	Ahli Korporat
3	Mohd Amaddy bin Nawawi	Setiausaha	Konsultan Engineer Civil & Structure
4	Narwati bin Lupin	Pen. Setiausaha	Pengurus Hotel Ansar
5	Abdul Aziz bin Mohd Zin	Bendahari	Pengarah Urusan
6	Wan Mohamad Zamri bin Wan Nawawi	ALK	Doktor Pakar Perubatan Forensik
7	Kamrul Hisan bin Mohd Kamson	ALK	Pengurus Ar-Rahn PKB
8	W. M. Azhari bin Wan Abdullah	ALK	Ketua ARDC PKB

Jumlah kakitangan semasa Koperasi seramai 3 orang di ibu pejabat dan 4 orang di cawangan Ar-Rahn, Cabang Tiga, Losong, Kuala Terengganu.

3. PRESTASI KEWANGAN KOPERASI

3.1 Untung Rugi Bagi 3 Tahun Terakhir

(Lampiran A)

3.2 Analisis Nisbah Kewangan

(Lampiran B)

4. CADANGAN PENUBUHAN SUBSIDIARI

Justifikasi bagi penubuhan subsidiari :

a) Keperluan bagi menubuh subsidiari

Koperasi Rakyat Kelantan Berhad memerlukan penubuhan subsidiari bagi mengendalikan pusat hemodialisis:

- i. Menampung keperluan pesakit buah pinggang di negeri Kelantan.
- ii. Pesakit-pesakit ini ditanggung oleh panel-panel.
- iii. Tiada hutang lapuk yang tidak dapat dikutip dalam perniagaan ini.

b) Persediaan bagi penubuhan subsidiari :

i. Modal

Modal bagi penubuhan subsidiari merupakan modal daripada Saham anggota Koperasi Rakyat Kelantan Berhad. Modal sedia ada bersesuaian dengan kecukupan modal yang disyaratkan. Cadangan modal berbayar adalah sebanyak RM1 Juta.

ii. Peluang bisnes

Peluang bisnes yang memenuhi permintaan terkini yang semakin banyak akibat pertambahan pesakit buah pinggang.

iii. Lokasi

Ahli Lembaga Koperasi mencadangkan untuk membuka Pusat Hemodialisis bertempat di negeri Kelantan. Untuk permulaan cadangan di sekitar Daerah Kota Bharu. Tempat yang dicadangkan sekitar persimpangan empat Pulau Melaka (tertakluk kepada kelululusan Kementerian Kesihatan Malaysia) yang strategik kerana merupakan kawasan bandar dan tempat tumpuan umum serta merupakan laluan utama menuju ke lapangan terbang, Hospital USM dan ke bandar Bachok.

iv. Cadangan Staf (Operasi)

Carta Organisasi Subsidiari (Lampiran C)

v. Kepakaran Ahli Lembaga Koperasi

Persediaan dari segi pengalaman dan pengetahuan telah mencukupi. Sebahagian Ahli Lembaga Koperasi mempunyai pengalaman dan kepakaran dalam bidang penjagaan kesihatan. Salah seorang daripada Ahli Lembaga Koperasi merupakan seorang doktor pakar perubatan forensik yang berkhidmat di hospital kerajaan dan seorang lagi Ahli Lembaga Koperasi yang kini merupakan Pengarah Urusan Pusat Hemodialisis Paduka.

5. MAKLUMAT BERKAITAN SUBSIDIARI

5.1 Latar Belakang

- a) Cadangan dan tarikh penubuhan
Sebelum berakhir tahun 2020.

b) Cadangan aktiviti Perniagaan:

Rawatan Hemodialisis

Dibuka 6 Hari/ Minggu

Mulai Jam 7.00 Pagi – 8.00 Malam

Jumaat – Tutup / Cuti

c) Cadangan Struktur Modal

Modal Dibenar: RM5 juta

Modal Berbayar: RM1 juta

Cara Pembentukan Modal: Diambil daripada saham anggota Koperasi Rakyat Kelantan Berhad.

d) Senarai Anggota Lembaga Subsidiari

i. 2 daripada wakil Anggota Lembaga Koperasi.

ii. 1 daripada anggota Koperasi.

e) Cadangan struktur pemegang saham

Bil	Nama	Unit	Jumlah (RM)	Peratus Pegangan
1	Koperasi Rakyat Kelantan Berhad	1,000,000.00	1,000,000.00	100

f) Latar Belakang Pengurusan Atasan

Pengurus.

Kelayakan: Mempunyai Ijazah di dalam mana-mana bidang.

Pengalaman: Mempunyai pengalaman dalam bidang pengurusan.

Bidang Tugas: Mengurus semua urusan berkaitan dengan Pusat Hemodialisis.

g) Bilangan Kakitangan : 8 Orang

h) Pasaran dan Keupayaan Pengeluaran

Berdasarkan kajian rambang, memandangkan data yang ada tiada yang terkini, anggaran jumlah pesakit di Malaysia yang menjalani hemodialisis berjumlah 46,000 orang. Jangkaan dalam setahun dianggarkan seramai 6,000 pesakit dengan pertambahan pesakit 2 hingga 3 orang sehari.

Anggaran pesakit di Kelantan berjumlah 1,800 orang termasuk yang mendapat rawatan di hospital Kerajaan.

i) Status dalam Industri yang sama (Kajian SWOT)

Kajian SWOT yang dibuat sebagaimana berikut:

KEKUATAN (S) DALAM INDUSTRI INI

- Pendapatan yang stabil dan ROI yang memuaskan.
- Mempunyai ALK yang berpengalaman dalam hemodialisis.
- Pelanggan yang setia (anggota dan keluarga).

KEKURANGAN (W) DALAM INDUSTRI INI

- Memerlukan bekalan air berkualiti tinggi dan elektrik dalam kuantiti yang banyak.
- Memerlukan teknologi yang boleh dipercayai seperti mesin-mesin hemodialisis.
- Prosedur yang rumit dan memerlukan penjagaan oleh pakar yang mempunyai pengetahuan yang lebih.
- Memerlukan masa untuk 'set-up' mesin.
- Kos yang tinggi untuk menggunakan mesin dialisis serta kekurangan pakar untuk mengendalikan mesin hemodialisis.
- Masalah tekanan darah rendah semasa hemodialisis.

PELUANG (O) DALAM INDUSTRI INI

- Pesakit yang meningkat setiap tahun.
- Diabetis adalah faktor utama penyakit buah pinggang dan Malaysia adalah Negara yang pertama di asia yang mempunyai pesakit diabetis.
- Banyak organisasi yang menyokong perniagaan hemodialisis (Perkeso, JPA dll).

ANCAMAN (T) DALAM INDUSTRI INI

- Ketiadaan bekalan air yang bersih (Air Kelantan).
- Ketiadaan pakar dalam hemodialisis.
- Keperluan modal yang besar.

j) Prospek Masa Hadapan

i) Peningkatan permintaan

Sektor perubatan menawarkan potensi besar susulan peningkatan permintaan setiap tahun. Pusat rawatan hemodialisis ini merupakan contoh perniagaan perkhidmatan yang mendapat permintaan tinggi dalam masyarakat kerana kekurangan penawaran selain kos rawatan di pasaran sedia ada yang tinggi. Peranan koperasi dalam menyediakan perkhidmatan dengan kos perubatan pada harga yang berpatutan dan tidak membebankan masyarakat akan membuka peluang yang besar pada masa hadapan untuk terus maju dalam bidang ini. Hal ini mampu menjadikan koperasi salah satu instrument penting dalam pembangunan sosioekonomi masyarakat di samping membantu meringankan beban kos sara hidup.

ii) Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)

KKM sentiasa memberikan sokongan dan menggalakkan pihak swasta bagi menyokong kemudahan yang terhad di hospital-hospital Kerajaan.

iii) Pelaburan tinggi pulangan stabil untuk jangkamasa Panjang (ROI)

ROI bagi perniagaan hemodialisis adalah baik dan menjamin pulangan yang stabil walaupun memerlukan modal yang agak tinggi pada permulaan.

5.2 Sumber Modal

a) Sumber dalaman (Koperasi) – Jumlah dan jangkaan kemasukan modal

Sumber modal diperolehi daripada saham anggota Koperasi. Jumlah dan jangkaan kemasukan modal akan bertambah sekiranya minima saham dinaikkan kepada anggota.

b) Sumber luaran - Tiada

5.3 Unjuran Keuntungan dan Dividen

(Lampiran D)

6. KESAN PENUBUHAN SUBSIDIARI KE ATAS ALIRAN TUNAI KOPERASI

Kesan

- i) Meningkatkan pendapatan sedia ada.
- ii) Menguatkan lagi aliran tunai Koperasi.

Unjuran Aliran Tunai Koperasi (Lampiran E)

7. MAKLUMAT TAMBAHAN

A. Sumber Dana dan Modal

- i. Pusat Hemodialisis perlu ditubuhkan melalui anak syarikat Koperasi. Syarat penubuhan anak syarikat adalah menubuhkan satu organisasi di atas nama perseorangan/perkongsian/perbadanan yang diwakili oleh salah seorang lembaga pengarah yang berjawatan sebagai doktor perubatan.
- ii. Keperluan modal:

BIL	PERKARA	UNIT	HARGA (RM)	JUMLAH (RM)
1	Mesin Hemodialisis Model Nikiso DB27	6	40,000.00	240,000.00
2	RO System Inclusive of Installation	1	100,000.00	100,000.00
3	Automatic Dialyzer Reprocessing Model Kidney Safe	1	35,000.00	35,000.00
4	Lain- Lain Peralatan (Filter)	-	-	40,000.00
5	Ubahsuai Bangunan	-	-	150,000.00
	JUMLAH			565,000.00

- iii. Modal pusingan
 - a. Dijangka 3 bulan penghutang oleh panel-panel.
 - b. 36 pesakit x RM3,000.00 x 4 kali rawatan
 - c. Anggaran = RM435,000.00

- iv. Dana atau modal operasi disediakan oleh Pelabur melalui saham anggota Koperasi. Peruntukan dana/modal yang diperlukan untuk menubuhkan sebuah pusat hemodialisis yang mempunyai 6 mesin adalah sebanyak RM1,000,000.00 (RM565,000.00 + RM435,000.00)

B. 'Feasibility Study'

- i. Terdapat 900 buah pusat hemodialisis yang terdapat di seluruh negara dan 22 daripadanya adalah di negeri Kelantan mewakili sebanyak 2.44 peratus. Ini menunjukkan pusat hemodialisis di Kelantan diperlukan lagi bagi membantu pesakit-pesakit yang memerlukan rawatan segera.

- ii. Setiap pesakit buah pinggang yang menjalani rawatan hemodialisis di hospital Kerajaan dikenakan caj sebanyak RM15.00 bagi setiap sesi. Bagi pusat hemodialisis milik swasta pula sebanyak RM200.00 manakala caj di hospital swasta adalah RM250.00 setiap sesi. Untuk satu bulan rawatan dialisis pesakit memerlukan sekurang-kurangnya RM3,000.00 sehingga RM4,400.00 termasuk dengan ubat-ubatan.

C. Tajaan daripada Organisasi / Panel

- i. Pesakit yang akan menjalani rawatan hemodialis melalui pusat swasta memerlukan tajaan panel untuk membiayai kos rawatan.
- ii. Panel/organisasi yang biasa membiayai pesakit iaitu seperti:
 1. Jabatan Perkhidmatan Awam
 2. ATM
 3. Perkeso
 4. Badan-Badan Berkanun
 5. Kerajaan Tempatan/Majlis Daerah

Mohon mandat diberikan kepada Anggota Lembaga Koperasi untuk menentukan nama anak syarikat.

LAMPIRAN A

PRESTASI KEWANGAN KOPERASI

Untung Rugi Bagi 3 Tahun Berakhir

Tahun	2019	2018	2017
Pendapatan (RM)	1,647,506.35	905,196.32	783,768.19
Perbelanjaan (RM)	1,324,276.02	750,296.45	577,616.63
Keuntungan / Kerugian Bersih (RM)	329,623.86	162,245.83	220,387.08
Pulangan Atas syer (%)	10	10	10
Pulangan Atas Pelaburan (%)	8.5	8.5	9


LAMPIRAN B

ANALISIS NISBAH KEWANGAN

<u>Data</u>	<u>2017</u> <u>RM</u>	<u>2018</u> <u>RM</u>	<u>2019</u> <u>RM</u>
Modal Syer	1,113,002.29	1,272,651.59	1,597,258.99
Pelaburan Pada Awal Tahun	3,286,069.94	5,158,656.06	7,481,985.84
Jumlah Syer dan Pelaburan	4,399,072.23	6,431,307.65	9,079,244.83
Pendapatan\Perolehan	783,768.19	905,196.32	1,647,506.35
Keuntungan Bersih	220,387.08	162,245.83	329,623.86
<u>Nisbah Keberuntungan</u>			
Pulangan Atas Syer dan Pelaburan	17.82%	14.07%	18.15%
Keuntungan Atas Pelaburan Dibayar	9.0%	8.5%	8.5%
Untung Bersih Atas Syer	19.80%	12.75%	20.64%
Dividen Atas Syer Dibayar	10.0%	10.0%	10.0%

LAMPIRAN C

CARTA ORGANISASI SUBSIDIARI



LAMPIRAN D

PUSAT HEMODIALISIS KRK ANGGARAN AKAUN UNTUNG RUGI BAGI TAHUN 2021 - 2023

	M1	M2	M3	M4	M5	M6	M7	M8	M9	M10	M11	M12	Tahun 1	Tahun 2	Tahun 3
DATA FIZIKAL															
Bil Pesakit	2	4	6	8	10	13	15	18	20	22	24	25	25	36	50
Purata Caj	3,000	3,000	3,000	3,000	3,000	3,000	3,000	3,000	3,000	3,000	3,000	3,000	3,000	3,000	3,000
PENDAPATAN															
Rawatan Dialisis	6,000	12,000	18,000	24,000	30,000	39,000	45,000	54,000	60,000	66,000	72,000	75,000	501,000	1,296,000	1,800,000
	6,000	12,000	18,000	24,000	30,000	39,000	45,000	54,000	60,000	66,000	72,000	75,000	501,000	1,296,000	1,800,000
Kos jualan															
Ubat	580	1,160	1,740	2,320	2,900	3,770	4,350	5,220	5,800	6,380	6,960	7,250	48,430	116,640	162,000
Pakai Buang	1,560	3,120	4,680	6,240	7,800	10,140	11,700	14,040	15,600	17,160	18,720	19,500	130,260	246,240	342,000
	2,140	4,280	6,420	8,560	10,700	13,910	16,050	19,260	21,400	23,540	25,680	26,750	178,690	362,880	504,000
Kos Kakitangan															
Gaji	10,000	10,000	10,000	10,000	14,000	14,000	14,000	17,000	17,000	19,000	19,000	19,000	173,000	264,000	350,000
KWSP	1,300	1,300	1,300	1,300	1,820	1,820	1,820	2,210	2,210	2,470	2,470	2,470	22,490	34,320	45,500
Perkeso	200	200	200	200	300	300	300	350	350	400	400	400	3,600	5,600	7,000
Elaun Kritikal/KLM	600	600	600	600	1,000	1,000	1,000	1,200	1,200	1,200	1,200	1,200	11,400	14,400	15,000
Lain-lain	600	600	600	600	600	600	600	600	600	600	600	600	7,200	9,000	14,000
	12,700	12,700	12,700	12,700	17,720	17,720	17,720	21,360	21,360	23,670	23,670	23,670	217,690	327,320	431,500
Kos Pakar															
Elaun Pakar	200	400	600	800	1,000	1,300	1,500	1,800	2,000	2,200	2,400	2,500	16,700	43,200	60,000
Elaun PIC	1,600	1,700	1,800	1,900	2,000	2,150	2,250	2,400	2,500	2,600	2,700	2,750	26,350	39,600	48,000
	1,800	2,100	2,400	2,700	3,000	3,450	3,750	4,200	4,500	4,800	5,100	5,250	43,050	82,800	108,000
Lain-lain Perbelanjaan															
Utiliti	1,000	1,000	1,000	1,000	1,200	1,200	1,200	1,200	1,500	1,500	1,500	1,500	14,800	30,000	40,000
Makan Minum Pesakit	50	100	150	200	250	325	375	450	500	550	600	625	4,175	10,800	15,000
Selenggara Alatan	2,000	2,000	2,000	2,000	2,000	2,000	2,000	2,000	2,000	2,000	2,000	2,000	12,000	18,000	30,000
Sewa Bangunan	4,000	4,000	4,000	4,000	4,000	4,000	4,000	4,000	4,000	4,000	4,000	4,000	48,000	48,000	48,000
Uniform	800				200			200		200		200	1,600	1,000	1,200
Alatulis & Percetakan	1,000	100	100	100	100	100	100	100	100	100	100	100	2,100	2,200	3,000
Belanja Kemasan	200	200	200	200	200	200	200	200	200	200	200	200	2,400	2,400	3,500
Lain-lain Belanja	500	500	500	500	500	500	500	500	500	500	500	500	6,000	6,000	8,000
Insuran	5,000												5,000	5,000	6,000
Susutnilai	7,000	7,000	7,000	7,000	7,000	7,000	7,000	7,000	7,000	7,000	7,000	7,000	84,000	84,000	108,000
Belanja Pos Basic					6,000				6,000				12,000	12,000	12,000
Selenggara Bangunan	500		500		500		500		500		500		3,000	3,000	5,000
	20,050	14,900	13,450	15,000	19,950	15,325	13,875	15,650	20,300	16,050	14,400	16,125	195,075	222,400	279,700
JUMLAH PERBELANJAAN	36,690	33,980	34,970	38,960	51,370	50,405	51,395	60,470	67,560	68,060	68,850	71,795	634,505	995,400	1,323,200
UNTUNG BERSIH	(30,690)	(21,980)	(16,970)	(14,960)	(21,370)	(11,405)	(6,395)	(6,470)	(7,560)	(2,060)	3,150	3,205	(133,505)	300,600	476,800
Margin Keuntungan (%)	(512)	(183)	(94)	(62)	(71)	(29)	(14)	(12)	(13)	(3)	4	4	(27)	23	26

LAMPIRAN E

PENYATA ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PELABURAN

<u>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN</u>	<u>TAHUN 1</u>	<u>TAHUN 2</u>	<u>TAHUN 3</u>	<u>TAHUN 4</u>	<u>TAHUN 5</u>
-					
Baki Awal	2,500,000	1,020,000	530,000	1,050,000	560,000
<i><u>Aliran Tunai Masuk</u></i>					
Pelaburan Anggota	20,000	10,000	20,000	10,000	20,000
Tabung Pelaburan 1		3,000,000	3,000,000	3,000,000	3,000,000
	20,000	3,010,000	3,020,000	3,010,000	3,020,000
<i><u>Aliran Tunai Keluar</u></i>					
Pelaburan Ar-Rahn	500,000	3,500,000	2,500,000	3,000,000	2,500,000
Pelaburan Modal Tunai Hemodialisis	500,000				
Belian Harta Tetap Hemodialisis	500,000			500,000	
	1,500,000	3,500,000	2,500,000	3,500,000	2,500,000
Tunai Bersih	(1,480,000)	(490,000)	520,000	(490,000)	520,000
Baki Akhir	1,020,000	530,000	1,050,000	560,000	1,080,000



AGENDA 3

**Menimbang dan Meluluskan Ruang Lingkup
dan Had Pelaburan Wang Lebihan Koperasi
Mengikut Seksyen 54 Akta**

Cadangan ruang lingkup dan had pelaburan lebih wang Koperasi adalah **RM50 juta**.



AGENDA 4



**Membentang dan Meluluskan Pindaan
Undang-undang Kecil Koperasi (Jika
Ada)**

Pindaan Undang-undang Kecil (Jika Ada)

Aktiviti

9. (1) Bagi mencapai matlamat dan fungsi menurut undang-undang kecil 7 amnya dan 8 khasnya, Koperasi boleh, tertakluk kepada peruntukan Akta dan peraturan-peraturan:

- (a) menjalankan aktiviti berikut:
 - (i) menjalankan aktiviti perkhidmatan Ar-Rahnu (Ar-Rahn);
 - (ii) menjalankan aktiviti pembangunan hartanah termasuklah perladangan; dan
 - (iii) menjalankan aktiviti peruncitan dan pemborongan;

Pindaan / tambahan:

- (iv) menjalankan aktiviti penjagaan kesihatan seperti hemodialisis dan berkaitan;

**PINDAAN UNDANG-UNDANG KECIL
KOPERASI RAKYAT KELANTAN BERHAD**

BIL	UNDANG-UNDANG KECIL ASAL	UNDANG-UNDANG KECIL PINDAAN
1.	<p>Aktiviti</p> <p>9.(1) Bagi mencapai matlamat dan fungsi menurut undang-undang kecil 7 amnya dan 8 khasnya, Koperasi boleh, tertakluk kepada peruntukan Akta dan peraturan-peraturan:</p> <p>(a) menjalankan aktiviti berikut:</p> <p style="margin-left: 40px;">(i) menjalankan aktiviti perkhidmatan Ar-Rahnu (Ar-Rahn);</p> <p style="margin-left: 40px;">(ii) menjalankan aktiviti pembangunan hartanah termasuklah perladangan; dan</p> <p style="margin-left: 40px;">(iii) menjalankan aktiviti peruncitan dan pemborongan;</p>	<p>Aktiviti</p> <p>9.(1) Bagi mencapai matlamat dan fungsi menurut undang-undang kecil 7 amnya dan 8 khasnya, Koperasi boleh, tertakluk kepada peruntukan Akta dan peraturan-peraturan:</p> <p>(a) menjalankan aktiviti berikut:</p> <p style="margin-left: 40px;">(i) menjalankan aktiviti perkhidmatan Ar-Rahnu (Ar-Rahn);</p> <p style="margin-left: 40px;">(ii) menjalankan aktiviti pembangunan hartanah termasuklah perladangan;</p> <p style="margin-left: 40px;">(iii) menjalankan aktiviti peruncitan dan pemborongan; dan</p> <p style="margin-left: 40px;">(iv) menjalankan aktiviti penjagaan kesihatan seperti hemodialisis dan berkaitan;</p>

Diakui pindaan Undang-undang Kecil ini telah dibentang, dibincang dan diluluskan di dalam mesyuarat agung tahunan khas **pada dua puluh enam haribulan September tahun dua ribu dua puluh.**

.....
(HJ MOHD SABRI BIN ABDULLAH)
Pengerusi

.....
(MOHD AMADY BIN NAWI)
Setiausaha

.....
(ABDUL AZIZ BIN MOHD ZIN)
Bendahari



**Pemilihan Jawatankuasa
Menentusahkan Draf Minit Mesyuarat
Khas 01/2020**

Menurut Akta Undang-Undang Kecil Seksyen 31(1)(n), Mesyuarat Agung Tahunan Khas perlu melantik suatu jawatankuasa yang terdiri daripada enam orang anggota dan empat orang anggota Lembaga untuk menentusahkan draf minit mesyuarat agung tahunan khas.



AGENDA 6



Perbincangan Usul-usul (Jika Ada)
i) Usul Lembaga

USUL DARIPADA LEMBAGA UNTUK MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KHAS BIL 01/2020

PERTAMA : PENUBUHAN SUBSIDIARI KOPERASI
--

Lembaga KRK mencadangkan kepada Mesyuarat Agung Tahunan Khas agar ditubuhkan satu subsidiari untuk menjalankan aktiviti hemodialisis.

KEDUA : HAD PELABURAN WANG LEBIHAN KOPERASI
--

Lembaga KRK mencadangkan kepada Mesyuarat Agung Tahunan Khas agar meluluskan had pelaburan wang lebihan Koperasi sebanyak RM50 juta.

KETIGA : TAMBAHAN AKTIVITI DALAM UNDANG-UNDANG KECIL

Lembaga KRK mencadangkan kepada Mesyuarat Agung Tahunan Khas agar pindaan UUK dibuat untuk menambah aktiviti penjagaan kesihatan seperti hemodialisis dan berkaitan.

KEEMPAT : PINDAAN TABUNG PELABURAN 1 DAN 2

Lembaga KRK mencadangkan kepada Mesyuarat Agung Khas agar pindaan dibuat kepada Tabung Pelaburan 1 dan 2 sebagaimana lampiran.

Aturan Bagi Melaksanakan Aktiviti Hemodialisis Oleh Koperasi Rakyat Kelantan Berhad

1. Tujuan

Penyediaan aturan Pusat Hemodialisis sebagai satu garis panduan dalam mengurus dan mengendalikan operasi pusat hemodialisis kepada pesakit kegagalan buah pinggang yang memerlukan kemudahan perkhidmatan mencuci buah pinggang secara berjadual.

2. Pengenalan Hemodialisis dan Dialisis

- 2.1** Hemodialisis adalah satu proses atau kaedah rawatan menggunakan mesin hemodialisis untuk menapis darah dengan menggunakan penapis khas yang dipanggil dialyser. Digunakan apabila buah pinggang pesakit rosak teruk dan tidak boleh berfungsi.
- 2.2** Kaedah ini dilakukan tiga kali seminggu, sekurang-kurangnya 4 jam setiap kali sesi rawatan. Rawatan boleh dilakukan di pusat rawatan hemodialisis atau di rumah mengikut kemampuan pesakit.
- 2.3** Akses vaskular yang boleh dibuat kepada pesakit melalui 3 cara iaitu Arteriovenous (AV) fistula, AV graft dan kateter (paling biasa).
- 2.4** Pesakit perlu melalui proses awal dengan menjalani pembedahan membuat fistula. Dua jarum khas akan dicucuk ke dalam fistula untuk mengalirkan darah dan disambungkan ke mesin hemodialisis melalui tiub darah. Satu jarum untuk mengalirkan darah yang mengandungi bahan kumuh dari badan dan darah ini dibersihkan menggunakan buah pinggang tiruan pada mesin hemodialisis. Darah yang telah dibersihkan akan masuk semula ke dalam badan melalui jarum yang satu lagi.
- 2.5** Sepanjang rawatan, pesakit boleh melakukan aktiviti seperti membaca, menulis, tidur, berborak atau menonton tv.

3. Proses Rawatan Hemodialisis

3.1 Ujian Darah

Ujian darah menyeluruh perlu dilakukan oleh pesakit buah pinggang kronik untuk mendapatkan keputusan darah terkini iaitu:

- i. Full Blood Test.
- ii. Haematology.
- iii. Renal Profile.
- iv. Cholestrol.
- v. Immunology dan Serology.
- vi. Clinical Chemistry.
- vii. Status Hepatits B dan Hepatitis C.
- viii. Status HIV.

Pesakit yang disahkan negatif Hepatitis B, Hepatitis C dan HIV sahaja yang akan diterima untuk menjalani rawatan hemodialisis.

3.2 Pendaftaran Pesakit

Pesakit yang telah disahkan selamat untuk menjalankan rawatan hemodialisis melalui keputusan ujian darah perlu mendaftar bagi pusat hemodialisis menerima daftar pesakit.

Dokumen yang perlu dibawa semasa mendaftar iaitu:

- i. Surat rujukan/bukti perlu rawatan hemodialisis di pusat hemodialisis swasta, penyakit esrf dan kompilasi penyakit lain (sekiranya ada) serta diskripsi ubat-ubatan daripada hospital Kerajaan.
- ii. Dialysis Prescription.
- iii. Borang Sara Ubat 1/09 (Rawatan Dialisis dan suntikan Epo) yang telah ditandatangani oleh Pakar Nefrologi dan Pengarah Hospital.
- iv. Salinan kad pengenalan.

3.3 Pre Hemodialisis / Penilaian sebelum Rawatan

Proses semasa pre hemodialisis perlu dibuat sebelum rawatan dijalankan sebagaimana berikut:

- i. Timbang berat badan.
- ii. Periksa suhu badan, warna kulit dan kebengkakkan.
- iii. Ujian tekanan darah.
- iv. Membasuh dan mencuci lengan (bahagian fistula) untuk membuang kekotoran.
- v. Persediaan kanulasi.
- vi. Persediaan mesin hemodialisis untuk disambungkan kepada pesakit.

3.4 Intra-Dialisis

Setiap satu jam sekali, kakitangan akan memantau dengan mengambil tekanan darah Pesakit bagi mengesan keabnormalan atau komplikasi.

Antara komplikasi yang mungkin terjadi kepada pesakit semasa menjalankan rawatan hemodialisis iaitu:

- i. Tekanan darah rendah (Hypotension).
- ii. Kejang.
- iii. Sakit kepala, loya dan muntah.
- iv. Sakit dada/Sakit belakang.
- v. Kegatalan.
- vi. Demam/Kesejukan.
- vii. Embolisme Udara.
- viii. Haemolisis.
- ix. Dialiser reaksi.
- x. Pencemaran Mikrob/Endotoksin.

3.5 Post Hemodialisis

Selepas menjalani hemodialisis, pesakit perlu dan dinasihatkan berehat di kerusi yang disediakan dan sebelum pulang pesakit perlu menimbang berat badan serta mengambil tekanan darah.

3.6 Rujuk dan Pemindahan Pesakit ke Hospital

Pesakit akan dirujuk dan dipindahkan segera ke hospital sekiranya terdapat komplikasi atau keabnormalan semasa hemodialisis dijalankan.

Langkah-langkah segera yang diambil dengan:

- i. Menyediakan surat rujukan preskripsi hemodialisis dan keputusan ujian terbaru.
- ii. Hubungi ambulan untuk pemindahan pesakit.
- iii. Makluman mengenai keadaan pesakit kepada hospital oleh PIC pusat hemodialisis/jururawat melalui telefon.
- iv. Makluman keadaan pesakit dan lokasi hospital kepada waris pesakit.
- v. Barang-barang berharga milik pesakit disenaraikan dalam buku rekod dan diserahkan kepada waris pesakit.

4. Kebaikan Hemodialisis

- i. Kadar kematian yang rendah
- ii. Kawalan yang lebih baik untuk tekanan darah dan kekejangan perut
- iii. Dapat kurangkan sekatan diet pesakit
- iv. Kesan yang baik kepada pesakit seperti mengurangkan komplikasi

5. Bangunan dan Peralatan

5.1 Pusat Hemodialisis memerlukan penyewaan 2 lot bangunan rumah kedai bagi persediaan untuk minima 12 buah mesin hemodialisis atau lebih.

5.2 Untuk permulaan Koperasi memerlukan 6 buah mesin hemodialisis dan akan bertambah mengikut pertambahan pesakit yang akan menjalani rawatan.

- 5.3** Satu mesin boleh digunakan maksima 4 orang pesakit dalam bilangan tiga kali seminggu sehingga selamanya. Dengan 12 buah mesin yang ada dapat menampung dan membantu 48 orang pesakit.

6. Objektif Pusat Hemodialisis

- i. Menyediakan kemudahan rawatan hemodialisis berjadual kepada pesakit tanpa menunggu giliran di hospital Kerajaan.
- ii. Memberikan perkhidmatan kepada pesakit dengan bayaran melalui panel.

7. Sumber Dana dan Modal

- 7.1** Pusat Hemodialisis perlu ditubuhkan melalui anak syarikat Koperasi. Syarat penubuhan anak syarikat adalah menubuhkan satu organisasi di atas nama perseorangan/perkongsi/perbadanan yang diwakili oleh salah seorang lembaga pengarah yang berjawatan sebagai doktor perubatan.
- 7.2** Dana atau modal operasi disediakan oleh Pelabur melalui saham anggota Koperasi. Peruntukan dana/modal yang diperlukan untuk menubuhkan sebuah pusat hemodialisis sebanyak RM500,000.00.

8. 'Feasibility Study'

- 8.1** Terdapat 900 buah pusat hemodialisis yang terdapat di seluruh negara dan 22 daripadanya adalah di negeri Kelantan mewakili sebanyak 2.44 peratus. Ini menunjukkan pusat hemodialisis di Kelantan diperlukan lagi bagi membantu pesakit-pesakit yang memerlukan rawatan segera.
- 8.2** Setiap pesakit buah pinggang yang menjalani rawatan hemodialisis di hospital kerajaan dikenakan caj sebanyak RM13 bagi setiap sesi. Bagi pusat hemodialisis milik NGO pula sebanyak RM200 manakala caj di pusat swasta antara RM250 hingga RM300 setiap sesi. Untuk satu bulan rawatan dialisis pesakit memerlukan sekurang-kurang RM1,000.

9. Tajaan daripada Organisasi / Panel

9.1 Pesakit yang akan menjalani rawatan Hemodialisis melalui pusat swasta memerlukan tajaan panel untuk membiayai kos rawatan.

9.2 Panel/organisasai yang biasa membiayai pesakit iaitu:

1. Perkeso
2. JPA
3. Yayasan Ecoworld
4. Mais dll

Pindaan Aturan

Aturan Tabung Pelaburan 1

- 10 TAHUN KEWANGAN
 - 10.1 Tahun Kewangan Skim Pelaburan Mudharabah bermula 1 Ogos dan berakhir pada 31 Julai tiap-tiap tahun.

Pindaan kepada:

- 10 TAHUN KEWANGAN
 - 10.1 Tahun Kewangan Skim Pelaburan Mudharabah bermula 1 Januari dan berakhir pada 31 Disember tiap-tiap tahun.

Aturan Tabung Pelaburan 2

- 5 JENIS PELABURAN DAN HAD MAKSIMA PELABURAN
 - 5.2 Modal saham anggota Koperasi yang sedia ada akan dicarumkan secara terus ke dalam Tabung Pelaburan 2 sekiranya modal saham melebihi RM1,000.00.

Item 5.2 dimansuhkan.

- 6. BAYARAN PULANGAN ATAS PELABURAN
 - Bayaran pulangan atas pelaburan akan diisytiharkan berdasarkan prestasi perniagaan semasa tahunan kewangan berakhir 31hb Julai setiap tahun, yang akan diputuskan oleh Anggota Lembaga Koperasi.

Pindaan kepada:

- 6. BAYARAN PULANGAN ATAS PELABURAN
 - Bayaran pulangan atas pelaburan akan diisytiharkan berdasarkan prestasi perniagaan semasa tahunan kewangan berakhir 31hb Disember setiap tahun, yang akan diputuskan oleh Anggota Lembaga Koperasi.



AGENDA 7

Hal-hal Lain



Ucapan Penangguhan